

Rapid Rail urus laluan MRT Sungai Buloh-Kajang

Kuala Lumpur: Mass Rapid Transit Corp Sdn Bhd (MRT Corp) dan Rapid Rail Sdn Bhd (Rapid Rail) menandatangani perjanjian penyerahan serta pengoperasian yang secara rasminya melantik Rapid Rail sebagai pengendali Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang (SBK).

Selain keperluan operasi bagi laluan berkenaan, per-

janjian itu juga memperincikan obligasi Rapid Rail, anak syarikat Prasarana Malaysia Bhd, membabitkan penyelenggaraan gerabak, stesen, sistem dan aset lain.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Seri Shahril Mokhtar berkata, ia adalah saat bersejarah bagi MRT Corp kerana ia menandakan transformasi Laluan MRT

Sungai Buloh-Kajang daripada projek yang dalam pembinaan ke arah pengoperasian laluan berkenaan.

“Sepanjang enam tahun lalu, MRT Corp bekerja keras untuk mewujudkan sistem MRT moden dan kini kami menghampiri saat penyerahan projek yang kami wujudkan kepada pengendali yang dilantik,” katanya da-

lam kenyataan, di sini.

Menerusi perjanjian itu, Rapid Rail dilantik sebagai pengendali untuk tempoh 10 tahun dengan pilihan membolehkan lanjutan tempoh selama lima tahun lagi. Perjanjian itu disediakan atas dasar terma pajakan aset dengan Rapid Rail memajak daripada MRT Corp dengan bayaran tahunan. - BERNAMA